

Hanya kerajaan yang kuat dapat jamin keselamatan negara — PM

KUALA LUMPUR 15 Julai — Hanya sebuah kerajaan yang cukup kuat untuk mengambil tindakan tegas dapat melaksanakan undang-undang dan menjamin keselamatan negara, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Menurut Perdana Menteri, kestabilan suasana politik moden mudah terjejas kerana sekiranya, kerajaan tidak kuat, usaha memelihara keselamatan akan hanya mewujudkan isu-isu baru yang boleh dieksploit oleh ahli-ahli politik yang tidak bertanggungjawab.

"Ini akan menyebabkan suasana politik tidak stabil dan apabila kepentingan asing masuk campur, akhirnya keadaan keselamatan tidak lagi boleh dikekalkan," ujar beliau.

Berucap merasmikan persidangan kebangsaan mengenai keselamatan negara di Institut Kajian Strategik Antarabangsa (ISIS) di sini, beliau berpendapat bahawa kestabilan politik sukar dicapai di negara-negara yang mempunyai banyak parti atau dua parti yang sama kuat.

"Di banyak negara lain, ahli-ahli politik memecahbelahkan rakyat dengan menubuhkan banyak parti politik sehingga tidak ada satupun yang cukup besar untuk memerintah, semuanya parti-parti minoriti, bergantung kepada sokongan semasa dari parti-parti lain bagi menjalankan kerajaan.

dana Menteri, akan menumpukan usaha dalam politik menjaga kepentingan peribadi dan parti tetapi mengenyepikan keselamatan negara.

Persidangan tiga hari itu dihadiri oleh 145 orang tokoh keselamatan negara dan akan membincangkan lapan kertas kerja mengenai ancaman keselamatan negara dari sudut ekonomi, pendatang haram, dadah, pelampau agama, hubungan kaum, komunis dan ancaman luar.

Di Malaysia, kata Perdana Menteri, kepuasan hati rakyat merupakan faktor utama dalam menjamin keselamatan.

LIHAT MUKA 6

"Dalam keadaan lain, dua buah parti utama akan muncul. Sekiranya kedua-dua itu sama kuat, maka tidak akan ada satu pun parti yang boleh memerintah lebih dari satu penggal. Akibatnya, sebarang rancangan tidak dapat dilaksanakan dan setiap kerajaan itu akan cuba membuktikan kesalahan kerajaan sebelumnya," jelas Datuk Sri Dr. Mahathir.

Mereka juga, kata Per-

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Kerajaan kuat jamin keselamatan

Menurut beliau, oleh kerana harga senjata dan peralatan tentera telah meningkat dengan begitu tinggi, maka penumpuan dihalakan kepada kerjasama dengan lain-lain negara sahabat dan negara jiran sementara hubungan luar diuruskan dengan usaha untuk mengurangkan musuh sedapat mungkin.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menegaskan, penekanan terhadap keselamatan menyeluruh amatlah tepat kerana dalam dunia moden masakini khususnya bagi negara-negara kecil, pertahanan tidak seharusnya menjadi tugas tentera

sahaja atau diserahkan bulat-bulat kepada pasukan keselamatan, jemaah menteri dan jentera pentadbiran.

Sebaliknya, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, keselamatan negara adalah tanggungjawab setiap warganggota yang perlu mematuhi segala undang-undang dan peraturan bukan saja dari segi perkataan undang-undang tetapi termasuk juga menurut semangatnya.

Dari sudut ketenteraan, katanya, selain daripada gerila komunis, Malaysia tidak mempunyai musuh tetapi terdapat kekuatan dan negara yang secara sedar

dan tidak sedar sedang menghancurkan keselamatan negara ini.

Sebagai contoh, katanya, dalam bidang ekonomi di mana ada kemungkinan kemelesetan yang ada sekarang telah sengaja diwujudkan oleh setengah pihak asing sehingga menjatuhkan kesemua harga barangan komoditi.

Akibatnya, tambah Datuk Sri Dr. Mahathir, timbul banyak rasa kurang puas hati di kalangan rakyat yang boleh digunakan oleh ahli-ahli politik untuk merampas kuasa dan seterusnya menjejaskan keselamatan negara.